

## TEMPOH MASA: MASTER SECARA PENYELIDIKAN

### Semester 1

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (2 minggu sebelum semester bermula)
- Mencalonkan jawatankuasa penyeliaan. Mengisi Borang GS-10a (dimuat turun dalam talian) dan mengemukakan satu salinan kepada Seksyen Siswazah dan Antarabangsa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 2

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Daftar untuk SPS5903 pada awal semester dan membentangkan cadangan penyelidikan pada Minggu ke 12
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 3

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Mengemukakan notis penyerahan tesis GS-14a (dalam talian)
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 4

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Penyerahan tesis. Mengisi borang GS-15a (dalam talian)



## Anda memerlukan maklumat lanjut?

Layari laman sesawang kami:  
[www.fbmk.upm.edu.my/siswazah](http://www.fbmk.upm.edu.my/siswazah)

Hubungi kami dengan hadir sendiri di:  
Seksyen Siswazah dan Antarabangsa  
Tingkat Bawah, Blok A  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

Telefon kami: 03 8946 8702 / 8788

e-mel kami: [fbmk\\_tds@upm.edu.my](mailto:fbmk_tds@upm.edu.my)

Anda boleh juga menghubungi:  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +60389464225  
Fax: +60389464232  
e-mel: [sgs@putra.upm.edu.my](mailto:sgs@putra.upm.edu.my)

GPS: 2.992760, 101.724090 (+2o 59' 33.94",  
+101o 43' 26.72")

## Koordinator Program untuk Bahasa Melayu:

**PROF. MADYA DR. RAJA MASITTAH RAJA ARIFFIN**  
No. Tel : 03-8946 7771  
Email : [rajasittah@upm.edu.my](mailto:rajasittah@upm.edu.my)



Updated: 25 August 2016 / Vicky



# FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI

## PROGRAM SISWAZAH

## BAHASA MELAYU (SECARA PENYELIDIKAN)

## JABATAN BAHASA MELAYU

## Bahasa Melayu

Program ini bertujuan untuk menyediakan calon dengan pengetahuan teori dan aplikasi dengan lebih mendalam dan relevan dalam bidang Bahasa Melayu. Dalam program ini, calon akan didedahkan dengan perkembangan terkini dari segi teori dan aplikasi dalam kajian yang berkaitan dengan bahasa dan linguistik Melayu. Sasaran program ini ialah kakitangan awam dan swasta serta penyarah IPTA dan IPTS yang berkaitan, dari dalam dan luar negara untuk menjadikan mereka pakar dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu.

## DOKTOR FALSAFAH (BAHASA MELAYU)

### Keperluan kredit:

Calon Doktor Falsafah yang mengikuti pengajian ini perlu menyempurnakan 3 kredit minimum kerja kursus.

### Senarai Kursus

BBM6201 Teori Linguistik Lanjutan 3 kredit ATAU

Kursus lain yang ditawarkan oleh Jabatan.

### Keperluan Lain:

#### SPS6999 Penyelidikan Doktor Falsafah

Calon Doktor Falsafah diwajibkan mendaftar kursus SPS6999 Penyelidikan Doktor Falsafah pada **setiap semester** sepanjang tempoh pengajian. Kursus ini merupakan satu projek penyelidikan dan pada akhir tempoh pengajian, calon akan menyerahkan sebuah tesis. Tesis ini akan dinilai dan peperiksaan lisan (*viva voce*) akan dijalankan untuk menentukan kompetensi calon dalam bidang pengajiannya.

#### Peperiksaan Komprehensif

Calon Doktor Falsafah diwajibkan lulus satu peperiksaan komprehensif bertulis dan lisan. Peperiksaan ini diambil setelah calon menyempurnakan semua keperluan kerja kursus yang ditetapkan dalam program pengajian. Peperiksaan komprehensif ini direkayasa bagi menilai pengetahuan calon dalam bidang pengajian dan keupayaan dalam mengintegrasikan pengetahuan mengenai penyelidikan dan teori bagi menangani isu yang berkaitan dengan bidang pengajiannya.

#### SPS6903 Seminar

Calon Doktor Falsafah diwajibkan mengambil kursus SPS6903, iaitu pembentangan kertas cadangan penyelidikan. Kursus ini perlu diambil sebaik sahaja kertas cadangan penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelaan Tesis. Kursus ini akan dinilai dan diberikan gred Memuaskan (M) atau Tidak Memuaskan (TM).

## MASTER SASTERA (BAHASA MELAYU)

### Keperluan kredit :

Calon yang mengikuti pengajian Ijazah Master dengan tesis dikehendaki menyempurnakan kerja kursus sebanyak 6 kredit.

### Senarai Kursus

BBM5202 Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu 3 kredit DAN

Kursus lain yang ditawarkan oleh Jabatan.

### Kursus Persediaan

Calon yang tidak memiliki mana-mana kelayakan dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu tetapi memperoleh PNGK 3.20 hendaklah mengambil dan lulus 3 kursus persediaan di peringkat Bachelor (selewat-lewatnya pada semester ke-2 sepanjang tempoh pengajian) dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred B+.

### Senarai kursus persediaan:

BBM3201 Pengantar Linguistik Am 3 kredit DAN

BBM3203 Tatabahasa Melayu 4 kredit DAN

Kursus lain (3 kredit) yang ditawarkan oleh Jabatan.

### Keperluan Lain :

#### SPS5999 Tesis Master

Calon Master Sastera diwajibkan mendaftar untuk kursus SPS5999 Penyelidikan Master pada **setiap semester**. Kursus ini merupakan satu projek penyelidikan dan pada akhir tempoh pengajian, calon akan menyerahkan sebuah tesis. Tesis ini akan dinilai dan peperiksaan lisan (*viva voce*) akan dijalankan untuk menentukan kompetensi calon dalam bidang pengajiannya.

#### SPS5903 Seminar

Calon Master Sastera diwajibkan mengambil kursus SPS5903, iaitu pembentangan kertas cadangan penyelidikan. Kursus ini perlu diambil setelah kertas cadangan penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelaan Tesis. Kursus ini akan dinilai dan diberikan gred Memuaskan (M) atau Tidak Memuaskan (TM).



## TEMPOH MASA: DOKTOR FALSAFAH

### Semester 1

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (2 minggu sebelum semester bermula)
- Mencalonkan jawatankuasa penyelaan. Mengisi Borang GS-10a (dimuat turun dalam talian) dan mengemukakan satu salinan kepada Seksyen Siswazah dan Antarabangsa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 2

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)
- Daftar untuk SPS6903 pada awal semester dan membentangkan cadangan penyelidikan pada Minggu ke12
- Menduduki Peperiksaan Komprehensif. Mengisi Borang GS-12 secara manual di Seksyen Siswazah dan Antarabangsa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

### Semester 3

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 4

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 5

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Mengemukakan notis penyerahan tesis GS-14a (dalam talian)
- Mengisi Borang GS-11 (dalam talian) (Minggu 10)

### Semester 6

- Daftar kursus mengikut keperluan Universiti dan Jabatan (3 minggu sebelum semester bermula)
- Penyerahan tesis. Mengisi Borang GS-15a (dalam talian)